



The Concept of Taawun in Eradicating Poverty among the Poor in Penang

MUHAMAD ANAS IBRAHIM

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari (UiTM) Cawangan Pulau Pinang.
E-Mail: anasibrahim@uitm.edu.my | Tel : +60193231782

AEMY AZIZ

Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor.
E-Mail: aemy@uitm.edu.my | +60 14-344 8065

UMMU ASYIKIN OTHMAN

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor.
E-Mail: ummuasyikin@uitm.edu.my | +60 13-937 7872

NURUL ILYANA MUHD ADNAN

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
Email: ilyana_adnan@ukm.edu.my | +60 19-298 0708

MOHD SHAHID AZIM MOHD SAUFI

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah.
E-Mail: azimsaufi@uitm.edu.my | +6013-507 1088

Received: January 09, 2025

Accepted: January 15, 2025

Online Published: March 01, 2025

Abstract

Knowledge about poverty is an approach to understanding the root causes of poverty more accurately from the perspective of the poor, including low education levels, low income levels, and low asset ownership. Unconsciously, the poor have developed a culture of poverty as a response to their circumstances. The culture of poverty is a lifestyle associated with negative attitudes such as lack of effort, low motivation, lack of confidence, a tendency to give up easily, and reliance on fate, which causes individuals or groups to remain in poverty. The Malay community has often been linked to such negative attitudes, which are seen as contributing factors to poverty. Laziness and selectiveness in job choices are considered reasons why some remain impoverished. Therefore, this study focuses on the formation of cultural patterns among the poor, contributing to a deeper understanding of the culture of poverty, and thereby enabling the proposal of effective strategies to reduce poverty.

Keywords: Taawun, eradicating poverty, poor

Konsep Taawun dalam Pembasmian Kemiskinan kalangan Masyarakat Miskin di Pulau Pinang

Abstrak

Pengetahuan tentang kemiskinan merupakan satu pendekatan dalam memahami punca-punca kemiskinan dengan lebih tepat dari perspektif golongan miskin, iaitu tahap pendidikan rendah, tahap pendapatan rendah dan tahap pemilikan harta yang rendah. Tanpa disedari, golongan miskin telah mewujudkan budaya kemiskinan sebagai respon terhadap kemiskinan yang mereka alami. Budaya kemiskinan adalah suatu keadaan gaya hidup yang dikaitkan dengan sikap-sikap negatif seperti malas berusaha, kurang bermotivasi, tidak berkeyakinan, cepat berputus asa dan berserah kepada takdir yang menyebabkan seseorang atau sekumpulan orang kekal hidup dalam kemiskinan. Masyarakat Melayu dikaitkan dengan golongan yang mempunyai sikap negatif sehingga menjadi punca berlakunya kemiskinan. Sikap malas berusaha dan memilih pekerjaan dianggap punca masyarakat hidup dalam kemiskinan. Oleh itu kajian akan memfokuskan kepada pembentukan pembudayaan yang wujud dalam kalangan golongan miskin dan menyumbang kepada pemahaman tentang budaya kemiskinan, dan dengan itu strategi yang efektif boleh dicadangkan bagi mengurangkan kemiskinan

Kata kunci: Taawun, pembasmian kemiskinan, masyarakat miskin



1.0 Pengenalan

Konsep ta'awun dapat didefinisikan sebagai satu sifat atau sikap tolong-menolong dan saling membantu orang lain tanpa mengira siapa yang bakal ditolong. Perkataan ta'awun itu sendiri berasal dari Bahasa Arab yang bermaksud saling membantu dan menolong. Konsep ta'awun yang dijelaskan diatas akan dikaitkan dengan tajuk kertas kerja bagi kumpulan kami iaitu "Konsep Ta'awun dalam Pembasmian Kemiskinan Kalangan Masyarakat Miskin di Pulau Pinang". Seperti yang kita tahu, manusia diciptakan sebagai makhluk sosial yang tidak boleh bergantung kepada hanya diri sendiri tanpa bantuan dari orang sekeliling. Inilah yang menyebabkan konsep ta'awun tersebut memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan satu masyarakat yang harmoni. Konsep ta'awun ini juga banyak ditekankan dalam kalangan umat Islam. Perintah agar umat Islam mengamalkan ta'awun ini ada disebutkan dalam firman Allah SWT:

Yang bermaksud: "...dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya".

Menurut dalil di atas, amatlah ditekankan bahawa sikap taawun itu sendiri perlulah didasari dengan niat yang betul untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Dalam Surah At-Taubah juga ada menjelaskan konsep taawun ini:

Yang bermaksud: "Dan orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan, Sebagian mereka menjadi penolong bagi sebagian yang lain. Mereka menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, melaksanakan solat, menunaikan zakat, dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka akan diberi rahmat oleh Allah. Sungguh, Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Sifat saling menolong antara umat Islam ini banyak ditekankan kerana dari amalan tersebut, umat Islam itu sendiri akan semakin teguh dan kuat. Taawun boleh diamalkan dengan pelbagai cara seperti menyediakan bantuan kepada orang yang memerlukan seperti kalangan masyarakat miskin di Pulau Pinang.

2.0 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada konsep taawun ini membantu dalam proses pembasmian kemiskinan dikalangan masyarakat miskin di Pulau Pinang dan sama ada amalan tersebut memberikan kesan yang positif dan efektif dalam menyelesaikan masalah tersebut. Sesetengah individu masih tidak peka dengan maksud sebenar konsep taawun ini. Pendedahan kepada konsep taawun haruslah juga ditekankan agar konsep tersebut boleh dipraktikkan dan diamalkan. Pada pendapat saya, konsep taawun ini haruslah didedahkan dari awal lagi menerusi subjek – subjek rohani seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Kanak-kanak lebih mudah dipengaruhi. Oleh itu, penting bagi konsep taawun ini didedahkan dari awal.

3.0 Kajian Lepas

Menurut kamus dewan bahasa dan pustaka Edisi Keempat, kemiskinan boleh didefinisikan sebagai keadaan seseorang atau kelompok tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas seperti keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesehatan selayaknya. Namun dalam perspektif islam, kemiskinan ini diselaraskan kepada ukuran yang sama tanpa melihat sempadan negara dan waktu. Kemiskinan berlaku apabila keperluan primer tidak mencukupi secara menyeluruh. Dalam syariat, ada tiga perkara yang dikategorikan sebagai keperluan primer atau asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah 2:233 mafhumnya:

" Dan kewajiban ayah memberi makanan dan pakaian kepada Para ibu dengan cara ma'ruf."

Hal ini dikuatkan lagi oleh hadis yang diriwayatkan Ibnu Majah, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud

"Ingatlah, bahawa hak mereka ke atas kalian adalah agar kalian berbuat baik kepada mereka dalam (memberi) pakaian dan makanan."

Ketidacukupan dalam tiga perkara asas ini telah memasukkan seseorang itu dalam kalangan miskin.



Taawun merupakan satu perkataan yang diperoleh dari perkataan arab yang bermaksud “tolong menolong”. Sikap taawun sangat dekat dengan segala aspek kehidupan manusia, oleh karena sifat manusia yang merupakan makhluk sosial. Dalam konsep ini merujuk kepada sifat tolong menolong atau pendekatan dalam membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Pulau Pinang. Agama islam sangat mementingkan sifat taawun di kalangan masyarakat Islam kerana ianya merupakan satu tuntutan kebaikan yang perlu diterapkan di kalangan masyarakat setempat. Kepentingan mengamalkan sifat taawun ini memberi impak yang sangat besar terhadap masyarakat yang kurang berkemampuan.

Allah berfirman dalam surah Al-Maidah 5:2 mafhumnya :

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

Secara realitinya, secara realitinya kemiskinan di Pulau Pinang dapat diukur melalui aktiviti yang dapat dilihat dari kemampuan dalam memenuhi keperluan hidup, seperti pekerjaan buruh, kuli bangunan, pemandu teksis dan lain-lain yang diklasifikasikan sebagai masyarakat yang mampu memenuhi keperluan harian. Punca yang menyebabkan bertambahnya kemiskinan di kalangan masyarakat adalah kerana berlakunya banyak pengangguran yang meningkat saban hari dalam kalangan remaja yang berkebolehan. Jika dilihat dari sejarah lama melayu, menurut Za’ba atau Zainal Abidin Ahmad (dlm. Nurizan Yahaya, 1998), orang Melayu sangat miskin semenjak zaman pemerintahan penjajah berbangsa Inggeris lagi. Selepas campurtangan kerajaan era 70an, isu kemiskinan di kalangan orang melayu sudah berkurangan. Namun begitu orang melayu masih lagi yang majoriti yang terlibat dalam kemiskinan. Malah Jomo (1991) menyatakan paling utama orang miskin di kalangan nelayan adalah Melayu dan kedua adalah Cina. Malah dalam kajian Nor Fairani dan rakannya (2016) yang mengkaji berkaitan kemudahan terancam isi rumah dengan kemiskinan melibatkan majoriti responden berbangsa Melayu. Maka ini menunjukkan bahawa majoriti berbangsa melayu mudah miskin. Salah satu sebab kemiskinan kerana mereka kurang kemahiran (Nurizan Yahaya, 1998) dan daya saing. Melihat perkembangan Pulau Pinang majoriti penduduk yang menguasai sektor pekerjaan adalah penduduk yang berbangsa Cina. Hal ini kerana banyaknya masyarakat yang lebih memilih pekerjaan berbanding mencuba.

Kesan daripada kemiskinan ini menyebabkan lahirnya krisis ekonomi dan sosial. Jika kerajaan belum mampu merealisasikan program bagi membasmi kemiskinan secara menyeluruh, maka masyarakat sebagai masyarakat sosial perlu mengambil langkah untuk sama-sama bergerak dalam membantu merealisasikan impian membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat. Salah satu bentuk untuk merealisasikan sifar kemiskinan adalah dari amalan kebajikan adalah zakat, infaq, dan sedekah. Zakat merupakan kewajiban bagi kaum muslimin yang memiliki harta cukup haul dan nisab. Diantara bentuk realisasi dari konsep Ta’awun yang perlu dimaksimumkan adalah zakat, infaq, dan sedekah. Dengan potensi zakat yang besar memiliki peluang untuk membanteras kemiskinan. Namun cabaran yang bakal dihadapi adalah kerana kurangnya kesedaran dalam diri masyarakat Islam menyebabkan ada yang masih belum mengeluarkan zakat sedangkan perkara itu wajib bagi setiap masyarakat Islam. Seterusnya faktor lain penyebab kemiskinan adalah kerana berlaku masalah pendidikan dalam kalangan warga miskin bandar. Jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana kemiskinan dalam satu ‘kitaran ganas’ (vicious circle). Mengikut teori ini kemiskinan ini merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan. Keadaan ini boleh diumpamakan kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kitaran ini bermula apabila berlaku kekurangan pendapatan menyebabkan simpanan rendah dan kurang mampu untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Namun begitu, pembangunan komuniti dilihat dapat membantu sesetengah isi rumah keluar dari kemiskinan dengan cara membangunkan komuniti dengan pembinaan kemahiran.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sistematik yang digunakan oleh penyelidik dalam proses pengumpulan, analisis, dan interpretasi data bagi memastikan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai (Creswell, 2018). Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan campuran yang merangkumi kaedah kuantitatif dan kualitatif.

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif dengan gabungan kaedah kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian lapangan dilakukan melalui soal selidik, manakala kajian kepustakaan melibatkan analisis terhadap sumber akademik dalam talian.

4.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan melalui dua kaedah utama:



4.2.1 Soal Selidik


Soal selidik dibangunkan menggunakan skala Likert lima mata dan diedarkan melalui Google Forms kepada responden yang dipilih secara pensampelan bertujuan (purposive sampling). Kaedah ini membolehkan pengumpulan data primer berkaitan persepsi dan pandangan responden mengenai isu yang dikaji.

4.2.2 Kajian Kepustakaan


Kajian ini turut melibatkan analisis terhadap artikel jurnal, buku akademik, dan laporan penyelidikan yang diperoleh daripada pangkalan data seperti Google Scholar, Scopus, dan ScienceDirect. Sumber-sumber ini dianalisis secara kritikal bagi mengenal pasti trend dan teori berkaitan yang menyokong kajian ini.

5.0 Dapatan Kajian

Kajian telah dilakukan secara quantitaif, dan kajian dilakukan menggunakan kaedah soal selidik melalui platform Google Form. Hasil daripada soal selidik tersebut, seramai 25 orang responden telah mengambil bahagian dalam mengisi soalan-soalan yang diberikan. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagia. Yang pertama adalah pengenalan di mana kami mengambil kira umur, tempat tinggal dan tempoh menetap di Pulau Pinang. Seterusnya adalah pengetahuan tentang konsep Taawun, dan yang terakhir adalah Implementasi Konsep Taawun bagi membasmi kemiskinan dalam masyarakat di Pulau Pinang.




Soalan pertama yang diajukan adalah berapakah umur responden. Majoriti daripada responden berumur lebih daripada 26 tahun iaitu sebanyak 40%. Diikuti dengan responden yang berumur dalam lingkungan 22-26 tahun sebanyak 28%, dan juga responden yang berumur dalam lingkungan 18-22 tahun sebanyak 24%. Yang terakhir, responden yang berumur 18 tahun ke bawah merupakan responden yang paling sedikit iaitu sebanyak 8% sahaja.






Merujuk kepada soal selidik kami, majoriti responden adalah penduduk di Pulau Pinang itu sendiri. Sebanyak 96% responden adalah penduduk Pulau Pinang, manakala yang selebihnya adalah bukan penduduk ataupun berkemungkinan juga mereka adalah penduduk Pulau Pinang namun tidak menetap di Pulau Pinang buat masa sekarang.



Soalan ini merujuk kepada tempoh responden tinggal di Pulau Pinang. Kita boleh lihat sebanyak 52% responden menetap lebih daripada 5 tahun manakala 48% responden pula menetap ataupun tinggal di Pulau Pinang dalam tempoh kurang daripada 5 tahun.

4.1 Pengetahuan Tentang Konsep Taawun



Soalan ini merujuk kepada pengetahuan responden terhadap Konsep Taawun. Sebanyak 64% daripada responden tidak tahu mengenai konsep Taawun manakala 36% responden pula mempunyai pengetahuan tentang Konsep Taawun. Merujuk daripada soalan ini, ia boleh disimpulkan bahawa kurangnya pendedahan mengenai konsep Taawun dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang.



Soalan ini merujuk kepada pendedahan responden terhadap konsep Taawun melalui media sosial, radio dan tv, dan sebagainya. Dapatan soalan ini menemukan bahawa sebanyak 52% responden mungkin pernah mendapat pendedahan konsep Taawun ini, diikuti responden sebanyak 20% yang memilih 'Ya' manakala responden sebanyak 20% memilih 'Tidak'.



Soalan ini merujuk kepada pilihan jawapan responden mengenai konsep Taawun. Sebanyak 20 responden bersetuju bahawa konsep Taawun bermaksud kerjasama, kemudian sebanyak 23 responden beranggapan konsep Taawun membawa maksud tolong menolong. Selepas itu, sebanyak 17 responden bersetuju bahawa Konsep Taawun bermaksud keharmonian sesama masyarakat dan 21 responden juga bersetuju bahawa saling bantu membantu juga adalah konsep Taawun.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 bagi tahap kadar kemiskinan masyarakat di Pulau Pinang. Seramai 7 responden memberikan skala 2, 8 responden pula berasa neutral manakala 10 responden pula memberikan skala 4 di mana mungkin responden ini beranggapan kadar kemiskinan masyarakat di Pulau Pinang adalah tinggi.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 sama ada Ketidakseimbangan Ekonomi membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Seramai 2 responden tidak bersetuju, 13 responden bersetuju, dan 10 responden berasa sangat setuju.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 sama ada akses pendidikan yang terbatas membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Seramai 7 responden tidak bersetuju, 4 responden berasa neutral, 9 responden berasa setuju dan 5 responden berasa sangat setuju tentang akses pendidikan yang terbatas membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 sama ada cabaran ketersediaan Pekerjaan yang Layak membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Seramai 11 responden bersetuju, 2 responden sangat bersetuju manakala 4 responden berasa neutral diikuti oleh seramai 7 responden yang tidak bersetuju.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 sama ada Akses Kesihatan Yang Terbatas membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Seramai 11 responden tidak bersetuju dan 8 responden berasa neutral. Namun begitu, 4 responden bersetuju dan 2 responden sangat bersetuju.



Dalam soalan ini, responden perlu memilih dalam skala 1 hingga 5 sama ada Penglibatan yang Kurang dalam pemerkasaan Masyarakat membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Seramai 9 responden berasa setuju diikuti 4 responden yang sangat bersetuju manakal 6 responden berasa neutral dan 6 responden berasa tidak bersetuju.



4.2 Implementasi Konsep Taawun



Soalan ini mengemukakan pendapat responden sama ada Konsep Taawun dapat membantu dalam membasmi kemiskinan di negeri Pulau Pinang. Sebanyak 72% responden memilih 'Ya', 24% responden memilih 'Mungkin' dan selebihnya memilih 'Tidak'.



Soalan yang terakhir ini mengemukakan pendapat dan cara bagi kemiskinan di kalangan masyarakat di Pulau Pinang. Seramai 20 responden memilih 'Saling berkomunikasi bersama masyarakat lain', 21 responden memilih 'Sentiasa mengambil berat ahli kejiwaan yang lain', 14 responden 'Mendengar khabar dari pihak lain', dan 16 responden memilih 'Sentiasa memberikan bantuan melalui program-program kemasyarakatan'.

5.0 Perbincangan

Berdasarkan kajian soal selidik yang dilakukan, terdapat beberapa perbincangan yang boleh dihasilkan. Yang pertama, majoriti penduduk Pulau Pinang adalah responden bagi kajian soal selidik ini. Hal ini kerana, dengan mengambil kira penduduk Pulau Pinang itu sendiri dapat memberikan pendapat yang lebih jelas dan tepat. Seterusnya, 64% responden beranggapan tidak tahu tentang konsep Taawun. Hal ini boleh dikatakan kerana kurangnya pendekatan dalam mempelajari konsep Taawun ini. Seperti yang kita tahu, masyarakat hari ini sangat sibuk dalam kehidupan seharian mereka dengan pekerjaan, media sosial, keluarga. Jadi boleh dikatakan kurangnya minat dan pendekatan diri menyebabkan segolongan masyarakat kurang pengetahuan tentang konsep Taawun. Selain itu, sebanyak 50% responden juga mungkin telah mendapat pendedahan mengenai Konsep Taawun daripada media massa seperti radio



dan televisyen. Hal ini adalah perkara yang memberi impak yang bagus kerana kita boleh lihat pada hari ini, dengan wujudnya radio Ikim.fm dan tv Al-Hijrah contohnya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang ilmu dalam konsep Taawun. Kemudian, seramai 7 responden bersetuju bahawa tahap kemiskinan masyarakat di Pulau Pinang adalah tinggi. Hal ini kerana, selepas sahaja wabak Covid-19 melanda, masyarakat mula hilang pekerjaan dan kewangan untuk menyara diri dan keluarga makin menghilang. Namun begitu, selang beberapa tahun sejak pasca Covid-19 berlalu, masyarakat mula mencari cara dalam mencari rezeki mereka, tetapi mungkin tidak cukup bagi mereka. Perkara ini juga boleh dilihat melalui pernyataan masalah dimana seramai 11 responden bersetuju 2 responden sangat bersetuju cabaran ketersediaan Pekerjaan yang Layak membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Hal ini kerana faktor pekerjaan yang semakin sedikit dan gaji yang ditawarkan tidak setimpal.

Di samping itu, Dalam soalan ini, 9 responden berasa setuju dan 5 responden berasa sangat setuju tentang akses pendidikan yang terbatas membawa kepada kemiskinan rakyat di Pulau Pinang. Hal ini kerana kurangnya akses pendidikan adalah faktor yang membawa kepada kemiskinan. Sebagai contoh, pada masa kini pendidikan kebanyakannya memerlukan gajet dan akses internet dan hasilnya masyarakat yang hidup dalam kemiskinan menjadi semakin sukar untuk mendapat akses kepada pendidikan. Kurangnya pendidikan di dalam kalangan masyarakat dapat menimbulkan masalah terutamanya di golongan muda. Ilmu adalah pelita hidup, jadi dengan ilmu, seseorang itu mampu dan berkebolehan untuk mengelakkan diri ilmu daripada kemiskinan malah menjadikan seseorang itu lebih berjaya. Yang terakhir, sebanyak 72% responden bersetuju bahawa konsep Taawun dapat membantu membasmi masalah kemiskinan di negeri Pulau Pinang. Perkara ini dapat dilihat melalui soalan yang terakhir dimana rata-rata responden setuju dengan cara dan langkah yang dibincangkan dan percaya konsep Taawun dapat membasmi masalah kemiskinan masyarakat Pulau Pinang. Masyarakat yakin dengan kerjasama semua pihak, konsep Taawun dapat dijalankan dan dijadikan amalan dalam kehidupan seharian di samping membasmi dan mencegah masalah kemiskinan di negeri Pulau Pinang.

6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian ini, segelintir masyarakat telah mempraktikkan konsep Taawun ini dalam kehidupan mereka walaupun kurangnya pengetahuan tentang konsep Taawun. Jikalau mereka menormalisasikan konsep Taawun dan mengekalkannya, maka keturunan yang akan datang dapat mencontohi masyarakat sekarang dan berkemungkinan mengurangkan masalah kemiskinan di negeri Pulau Pinang. Akhirnya, masyarakat Pulau Pinang harus bekerjasama pada masa yang akan datang bagi mengelakkan masalah kemiskinan di negeri Pulau Pinang kerana 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Penghargaan

Dengan penuh kesyukuran, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan sumbangan dalam menjayakan kajian ini. Pertama sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas kemudahan penyelidikan serta bimbingan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya, penghargaan khas ditujukan kepada responden kajian yang sudi meluangkan masa untuk memberikan maklumat berharga bagi melengkapkan analisis kajian ini. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan penyelidik dan akademik yang telah memberikan pandangan, cadangan, dan dorongan yang sangat bermakna sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Akhir sekali, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT atas segala kemudahan, ilham, dan kekuatan yang diberikan dalam menyelesaikan kajian ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta menjadi rujukan yang berguna dalam usaha membasmi kemiskinan melalui konsep ta'awun.

Rujukan

- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jomo, K. S. (1991). *Growth and structural change in the Malaysian economy*. Macmillan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurizan Yahaya. (1998). *Kemiskinan dan pembasmian kemiskinan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Fairani, M. S., Mohd Fauzi, M. A., & Shamsul Azhar, S. (2016). *Kemudahterancaman isi rumah dengan kemiskinan di Malaysia*. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 50(1), 89-102.



-
- Rahman, A. (2018). *Konsep Ta'awun dalam Islam dan implikasinya terhadap kehidupan sosial*. Journal of Islamic Studies, 14(2), 45-60.
- Salleh, M. A. (2017). *Zakat dan pembasmian kemiskinan: Perspektif ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yusof, R., & Abdullah, S. (2019). *Peranan institusi zakat dalam menangani kemiskinan di Malaysia: Satu kajian empirikal*. International Journal of Islamic Economics, 11(1), 85-102.
- Zainal, N. (2020). *Kemiskinan dan cabaran sosial di Malaysia: Analisis dari perspektif Islam*. Penerbit USM.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1965). *Perangai bergantung kepada diri sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka.